

21 SEP 2001

Mahathir-Keganasan

MALAYSIA TIDAK MAHU MEREKA YANG TIDAK BERDOSA JADI MANGSA

ALOR SETAR, 21 Sept (Bernama) -- Malaysia menyokong tindakan Amerika Syarikat memburu kumpulan pengganas dan menghentikan keganasan tetapi tidak bersetuju sekiranya orang yang tidak berdosa turut dijadikan mangsa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata dalam masa Malaysia menyokong gerakan memburu pengganas dan menghentikan keganasan, negara ini juga tidak mahu negara yang tidak bersalah dijadikan sasaran dalam usaha memburu kumpulan pengganas.

"Tindakan memburu keganasan dengan senjata sahaja tidak menyelesaikan masalah dengan sepenuhnya selagi perasaan marah di kalangan orang yang ditindas masih wujud," katanya ketika melancarkan Pelan Tindakan Kedah Maju 2010, di Wisma Darul Aman di sini.

Oleh itu, beliau berharap masalah yang menyebabkan orang yang ditindas menjadi marah, perlu juga diselesaikan.

Sebagai contoh, katanya, di Palestin, rakyatnya dibunuh setiap hari oleh keganasan secara terancang dan tersusun dengan menggunakan senjata canggih.

"Jika hendak hapuskan keganasan, masalah (penindasan) yang terdapat di Palestin hendaklah dihapuskan. Begitu juga di Iraq dan Chechen. Bila tidak ada penindasan baru dapat atasi masalah keganasan," kata Dr Mahathir.

Malaysia, katanya, tidak bersetuju keganasan digunakan sebagai cara untuk mencapai sesuatu matlamat perjuangan.

Beliau berkata peristiwa serangan di Amerika Syarikat baru-baru ini tidak menguntungkan mana-mana pihak, sebaliknya mengakibatkan kemusnahan harta benda dan kematian ramai orang.

Malaysia, katanya lagi, hendak menjadi negara maju, bukan untuk mendabik dada tetapi tidak mahu ianya ditindas sama ada secara terancang atau tidak sengaja.

Beliau berkata disebabkan kemajuan yang dinikmati oleh negara ini maka ia mampu mempertahankan ekonominya ketika diserang oleh penyanggak mata wang ketika krisis ekonomi melanda rantau ini pada 1997.

Perdana Menteri berkata negara-negara Islam ditindas kerana mereka lemah.

Kerajaan hendak membangunkan Malaysia sebagai negara Islam yang maju dan ini memerlukan kecekapan dalam pelbagai bidang seperti teknologi maklumat, kejuruteraan dan sains di samping tumpuan turut diberikan kepada bidang agama.

"Sekarang Malaysia lebih selamat daripada negara Islam yang lain dan nak tak nak orang asing terpaksa hormat pandangan kita," katanya.

Beliau berkata kerajaan mahu membangunkan negara ini secara tersusun dan terancang melalui pelan pembangunan jangka pendek dan jangka panjangnya.

Dr Mahathir berkata kerajaan lebih suka menumpukan perhatian kepada pembangunan di negara ini walaupun terdapat golongan yang lebih cenderung kepada kemusnahan.

Malaysia negara demokratik dan hendak menukar kerajaan boleh dibuat dengan cara undi sahaja dan oleh itu tidak ada sebab mengapa keganasan patut berlaku di negara ini, katanya.

"Pembangunan adalah untuk menjamin kita tidak ditindas," kata Dr Mahathir.

Oleh itu, beliau meminta semua lapisan masyarakat termasuk pemimpin

politik, pegawai kerajaan dan rakyat menyokong usaha pembangunan kerajaan pusat dan kerajaan negeri.

Pelan Tindakan Kedah Maju 2010 merupakan pelan pembangunan untuk menjadikan Kedah negeri maju pada tahun 2010.

Fokus pembangunan akan ditumpukan kepada industri, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), pelancongan, pertanian, pendidikan, pembangunan sumber manusia dan prasarana.

Kedah, antara lain berazam mencapai kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) 15 peratus setahun dan menarik pelaburan RM1 bilion setahun dalam sektor industri.

Pelan itu adalah lanjutan daripada Pelan Tindakan Pembangunan Kedah yang dilaksanakan sejak 10 tahun yang berakhir tahun lepas.

-- BERNAMA

JM LAT